BULETIN RANCANG EDISI 1/2012

# JOHOR

JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA NEGERI JOHOR • EDARAN PERCUMA
Laman Web : www.johordt.gov.my/jpbd • Email : jpbdjohor@johor.gov.my

MENARIK DI DALAM

## Pengubahan RANCANGAN TEMPATAN DAERAH DI NEGERI JOHOR

## GARIS PANDUAN & PIAWAIAN PERANCANGAN Laluan Kemudahan Utiliti & Penggalian Jalan



# Kandungan








PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI JOHOR DARI JANUARI – JUN 2012 03

PERLANTIKAN KEAHLIAN BARU LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR TAHUN 2012 07

PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH DI NEGERI JOHOR 10

KAJIAN INVENTORI KEMUDAHAN AWAM 2012 16

GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGGALIAN JALAN 17

PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI JABATAN 20

PROGRAM-PROGRAM JABATAN 22

E-KAUNTER : TAMBAHAN MODUL DALAM LAMAN WEB JABATAN 24

PAMERAN SEMPENA SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN NGIS KE-5 TAHUN 2012 25


# Sidang Pengarang




Penasihat

Tn. Hj. Mohd Azam bin Mohd Abid

Ketua Editor

Md. Nazri bin Abdullah

Editor & Grafik

Nor Azlin binti Haji Ahmad

Sub Editor

Che Wan Mohd Rapanah bin Che Wan Embong

Lily Azzura binti Hangsor

Hajah Hazizah binti Sa'dan

Cetakan dan Edaran

Roslee bin Yunos @ Zakariah

Muhammad Noorzaidee bin Roosly

Roshaya binti Md. Taib


## *Penafian*

**Kandungan Buletin ini tidak semestinya melambangkan pandangan atau dasar yang digunapakai oleh Jabatan / Agensi Kerajaan di Negeri Johor atau rekod rasminya**



# Pembuka Bicara

*Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Jabatan sekali lagi dapat menerbitkan Rancang Johor Edisi 1/2012. Penerbitan buletin ini bertujuan untuk menghebah dan berkongsi maklumat terkini berkaitan bidang perancangan bandar dan desa di negeri ini dengan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, mahupun masyarakat awam.*

*Edisi Pertama Buletin Rancang Johor bagi tahun ini memaparkan informasi-informasi perancangan bandar dan desa, khususnya melibatkan pemakluman Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang telah bersidang pada tahun 2012, Kajian Pengubahan RTD bagi 4 daerah yang pertamanya dijalankan di Malaysia, garispanduan perancangan, kajian lapangan bagi penambahbaikan maklumat gunatanah dalam Sistem Maklumat Geografi Jabatan dan lain-lain info terkini yang boleh dimanfaatkan bersama.*

*Adalah menjadi harapan Jabatan agar terbitan buletin ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak dan seterusnya mendorong ke arah merealisasikan dasar perancangan Negeri Johor.*

..............................................................................

***HAJI MOHD AZAM BIN MOHD ABID***
*Pengarah*
*Jabatan Perancangan Bandar & Desa*
*Negeri Johor Darul Takzim*

# PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI JOHOR
## DARI JANUARI – JUN 2012





**Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Johor telah mengadakan tiga (3) kali mesyuarat bagi setengah tahun pertama 2012. Ini selaras dengan fungsi JPN untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkaitan hal ehwal perancangan gunatanah di Negeri Johor selaras dengan Seksyen 4, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172).**

**Keseluruhannya, sebanyak 21 kertas kerja telah dipertimbangkan. Dari jumlah tersebut, 2 kertas kerja melibatkan perundangan, 8 kertas kerja melibatkan perubahan zon gunatanah, 5 kertas kerja melibatkan Rancangan Pemajuan dan 6 kertas kerja melibatkan pemakluman.**

## JPN 01/2012

### PERUNDANGAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 1. | Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (RFZPPN) | JPN 01/2012<br>22 Mac 2012 |
| 2. | Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Wilayah Bagi Kawasan Bersempadan Antara Melaka , Johor dan Negeri Sembilan | JPN 01/2012<br>22 Mac 2012 |

## PERMOHONAN PENGUBAHAN ZON GUNATANAH RANCANGAN PEMAJUAN

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 3. | JPN 03/01/2012<br>Pembangunan Hub Pendidikan Tinggi Malaysia di Pagoh, Muar, Johor. | JPN 01/2012<br>22 Mac 2012 |
| 4. | JPN 04/01/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning Pembangunan Pelan Induk Nusajaya Gerbang Nusajaya. | JPN 01/2012<br>22 Mac 2012 |
| 5. | JPN 18/01/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning Pembangunan Pelan Induk Danga Bay dan Sekitarnya Di Sungai Danga Dan Sungai Melayu,Daerah Johor Bahru. | JPN 01/2012<br>22 Mac 2012 |

# JPN 02/2012

## PERMOHONAN PENGUBAHAN ZON GUNATANAH RANCANGAN PEMAJUAN

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 1. | JPN 01/02/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning Daripada Kediaman Kepada Perdagangan di atas Lot 153, Jalan Skudai , Mukim Tebrau , Daerah Johor Bahru | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 2. | JPN 02/02/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning Melibatkan Pindaan Kegunaan Plot-Plot Yang Diluluskan Untuk Kegunaan Baru Melibatkan Pedagangan,Kegunaan Awam dan Taman Awam di Bandar Seri Alam (Flagship D) Oleh Tetuan UM Land Berhad. | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 3. | JPN 03/02/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning daripada kediaman Kepada Industri di atas Lot PTD 47439,47440 dan 47441, Mukim Senai-Kulai, Daerah Johor Bahru (Kulaijaya) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 4. | JPN 04/02/2012<br>Permohonan Perubahan Zoning Dari Pertanian Kepada Perindustrian Di atas Lot 489,517-519,612-619,1353,1493,1543,2275 Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru. | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 5. | JPN 05/02/2012<br>Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru (Pengubahan) Mengikut Peruntukan Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 6. | JPN 06/02/2012<br>Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002-2020 (Pengubahan) Mengikut Peruntukan Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 7. | JPN 07/02/2012<br>Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian (Pengubahan) Mengikut Peruntukan Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 8. | JPN 08/02/2012<br>Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Muar (Pengubahan) Mengikut Peruntukan Seksyen 15, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 9. | JPN 09/02/2012<br>Penyiapan Dokumen Laporan Dan Persetujuan Bagi Mengadakan Program Publisiti Draf Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2020 (Pengubahan) Mengikut Peruntukan Seksyen 13(1), Akta Perancangan Bandar Dan Desa,1976 (Akta 172) | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |





## KERTAS PEMAKLUMAN

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 10. | JPN 10/02/2012<br>Publisiti Ke atas Draf Rancangan Kawasan Khas Parit Raja Dan Draf Rancangan Kawasan Khas Rengit, Daerah Batu Pahat | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 11. | JPN 11/02/2012<br>Penyediaan Kajian Rancangan Kawasan Khas Pekan Senggarang Dan Pekan Semerah Pusat Petempatan Kecil Majlis Perbandaran Batu Pahat. | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 12. | JPN 12/02/2012<br>Program Inisiatif Makmal Pembangunan Tanah di bawah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 13. | JPN 13/02/2012<br>Permohonan Projek Pembangunan Jabatan Kerja Raya (JKR) Di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172) - Projek Sekolah RMK-10 Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sekolah Kebangsaan Kota Masai 3, Di Atas Lot 116084, Mukim Plentong, Daerah Johor Bahru, Johor. | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 14. | JPN 14/02/2012<br>NKRA Mengurangkan Jenayah Pelaksanaan Tiga Langkah Segera Program Bandar Selamat 2011 | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |
| 15. | JPN 15/02/2012<br>Pelantikan Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor | JPN 02/2012<br>10 April 2012 |

# JPN 03/2012

## PERMOHONAN PENGUBAHAN ZON GUNATANAH RANCANGAN PEMAJUAN

| BIL. | TAJUK KERTAS MESYUARAT | BIL . MESYUARAT |
|---|---|---|
| 1. | JPN 01/03/2012<br>Permohonan Cadangan Pengezonan Semula Persisiran Tanjung Puteri, Daerah Johor Bahru. | JPN 03/2012<br>11 Jun 2012 |

# PERLANTIKAN KEAHLIAN BARU LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR TAHUN 2012



## LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 2/2004 pada 24 Ogos 2004 telah bersetuju dengan perlantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Rayuan Negeri Johor. Pengerusi yang dilantik adalah Yang Arif Hayatul Akmal binti Abdul Aziz iaitu Majistret Mahkamah RendahBatu Pahat pada masa tersebut. Manakala Timbalan Pengerusi adalah Y.B Dato'Dr. Shahir bin Nasir,Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

Pada 31 Julai 2008, perlantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Rayuan Negeri Johor diwartakan (No. 6321) dan perlantikan tersebut berkuatkuasa bagi tempoh tiga (3) tahun.

Walaubagaimanapun, Yang Arif Hayatul Akmal bt Abdul Aziz telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Johor pada 24 Mac 2010.

Lanjutan dari itu, perlantikan Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Johor yang baru iaitu Y.Bhg. Datuk Zainuddin bin Muhammad, mantan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah dibuat melalui Warta Negeri Jid 55 No. 6 bertarikh 17 Mac 2011 bagi tempoh tiga (3) tahun setelah mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) - Seksyen 36(2)**

*"orang-orang yang adalah atau telah menjadi hakim atau peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi atau ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Malaysia atau yang berpengalaman dari segi kehakiman atau kelayakan dan berpengalaman sesuai yang lain".*

# AHLI LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR 2011

**Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Johor Bil 2/2011 pada 9 Ogos 2011 telah bersetuju ke atas perlantikan Ahli Lembaga Rayuan Negeri Johor 2011 dan diwartakan (Bil. J.P.U. 103 ) pada 14 September 2011 sebagaimana senarai berikut:**

| Bil. | Nama | Jawatan | Profesion Ahli |
|---|---|---|---|
| 1. | Y.B. Dato' Haji Md. Zahari bin Md. Zin | Timbalan Pengerusi | Mantan SUK Johor |
| 2. | Y.B. Dato' Johari bin Suratman | Ahli | Pesara Kerajaan |
| 3. | Y.B. Dato' Punijan bin Sutarjo | Ahli | Pesara Kerajaan |
| 4. | Y.B. Dato' Haji Hashim bin Yahya | Ahli | Pesara Kerajaan |
| 5. | Y.B. Dato' Haji Naim bin Nasir | Ahli | Pesara Kerajaan |
| 6. | Tuan Haji Yahaya bin Mohd Salleh | Ahli | Pesara Kerajaan |
| 7. | Prof. Dr. Abdullah bin Ab. Rahman | Ahli | Ahli Akademik |




**PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) -Seksyen 36(3)**

*"Seseorang yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) hendaklah, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau perlantikannya terlebih dahulu ditarikbalik, memegang jawatan selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun yang hendaklah dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam pemberitahu perlantikan itu, tetapi adalah layak dilantik semula."*



# PERLANTIKAN PENDAFTAR LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR

**PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
-Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Johor 2008 {Perkara 3(1)}

*"Seorang Pendaftar hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri di antara pegawai-pegawai Perancang Bandar dan Desa di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri, atau jika tiada pegawai sedemikian bagi negeri itu, seorang Penolong Pegawai Perancang Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri itu."*

Selaras dengan pewartaan Ahli Lembaga Rayuan Negeri Johor pada 31 Julai 2008, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor telah melantik Encik Md. Nazri bin Abdullah, Timbalan Pengarah (J48) sebagai Pendaftar Lembaga Rayuan melalui keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2008 pada 21 Julai 2008 (Kertas Kerja 02/01/2008) dan dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 3 September 2008 (Ringkasan Mesyuarat Bil .1586/2008).

Pada Mei 2012, penstrukturan semula Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor telah dibuat dan selaras dengan peruntukan Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Johor 2008 Perkara 3(1), maka wajar dilantik Pendaftar Lembaga Rayuan bagi menggantikan Encik Md. Nazri bin Abdullah.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor telah melantik Puan Hajah Hazizah bt Sa'dan, Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Gred J29) untuk menjalankan peranan sebagai Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor bagi menggantikan Encik Md. Nazri bin Abdullah dan dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (Ringkasan Mesyuarat Bil. 1239/2012) yang bersidang pada 30 Mei 2012.

Cadangan ini selaras dengan penempatannya di Bahagian Penyelarasan Dasar dan Perancangan Korporat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor yang juga merupakan Urusetia kepada Lembaga Rayuan Negeri Johor. Selain dari itu, faktor pertukaran Pegawai-pegawai Perancang Bandar dan Desa (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) di peringkat Persekutuan yang sentiasa berlaku, menjadikan faktor pemilihan Pendaftar Lembaga Rayuan terdiri dari pegawai di peringkat negeri.

**JIKA BERLAKU SEBARANG KETIDAKPUASAN TERHADAP KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN, LEMBAGA RAYUAN MENGALU-ALUKAN RAYUAN ANDA. SETIAP RAYUAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN DI ALAMAT :**

PENDAFTAR LEMBAGA RAYUAN
d/a Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor
Tingkat 1 & 2, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang
79646 Kota Iskandar, Nusajaya.
No. Tel : 07-2667215 I No. Fax : 07-2661402
E-mail : zizah@jpbdjohor.gov.my I Laman Web : http\\www.jpbdjohor.gov.my

Rayuan boleh dibuat dengan mengisi borang yang boleh didapati di Unit Lembaga Rayuan Negeri Johor

# PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH DI NEGERI JOHOR

## PEWARTAAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN BAGI 4 DAERAH IAITU DAERAH JOHOR BAHRU & KULAIJAYA, BATU PAHAT, MUAR DAN PONTIAN.



Kajian Pengubahan Rancangan Tempatan bagi keempat-empat daerah ini telah dimulakan penyediaannnya pada tahun 2010 melalui persetujuan Jawatankuasa Perancang Negeri Johor.

Kajian Pengubahan Rancangan Tempatan ini disediakan adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Antara tujuan utama kajian pengubahan ini adalah untuk :-

i. Mengemaskini gunatanah semasa dan komited berdasarkan pelan-pelan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri.
ii. Menyemak, menganalisa dan mengezonkan semula gunatanah peta cadangan selaras dengan keperluan semasa pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan keperluan pembangunan masa hadapan setiap daerah.

iii. Mengemaskini pernyataan bertulis dan Jadual Kelas Gunatanah berdasarkan perubahan yang dibuat.

iv. Menyediakan satu sistem maklumat dan pangkalan data yang lengkap dan fleksibel terutama bagi keperluan kawalan perancangan.

v. Mengenalpasti kawasan-kawasan khas yang memerlukan kajian lanjutan seperti Rancangan Kawasan Khas.

vi. Menyediakan laporan cadangan sektoral secara 'site specific' iaitu cadangan pembangunan projek-projek berbentuk fizikal oleh Jabatan / Agensi-agensi Kerajaan mengikut format yang ditetapkan bagi tujuan 'development facilitation'.









Selaras dengan peruntukan Subseksyen 13(1) dan (2), Akta 172, keempat-empat laporan Draf Rancangan Tempatan (Pengubahan) ini telah dipublisitikan secara serentak bermula 19 April 2011 selama 4 minggu bagi Daerah Johor Bahru & Kulaijaya serta Pontian. Manakala program publisiti bagi Daerah Muar dan Batu Pahat dilanjutkan sehingga 18 Jun 2011 di atas permintaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan sebagaimana peruntukan Subseksyen 13(3) Akta 172.

**Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam telah dijalankan di setiap pihak berkuasa perancang tempatan sebagaimana jadual di bawah :-**

| Bil | Pihak Berkuasa Tempatan | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Majlis Perbandaran Batu Pahat | 22 Disember 2011 |
| 2. | Majlis Daerah Yong Peng | 22 Disember 2011 |
| 3. | Majlis Daerah Pontian | 27 Disember 2011 |
| 4. | Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) | 27 Disember 2011 |
| 5. | Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) | 28 Disember 2011 |
| 6. | Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) | 28 Disember 2011 |
| 7. | Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) | 29 Disember 2011 |
| 8. | Majlis Perbandaran Muar | 21 Februari 2012 |
| 9. | Majlis Daerah Tangkak | 21 Februari 2012 |






**Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Draf Rancangan Tempatan bagi kesemua daerah telah diperakukan di dalam Mesyuarat Penuh setiap Pihak Berkuasa Tempatan sebelum diangkat dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.2/2012 yang bersidang pada 10 April 2012.**



Jawatankuasa telah BERSETUJU ke atas perkara-perkara berikut:

i. MENERIMA keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam.

ii. MENERIMA arahan Jawatankuasa Perancang Negeri untuk penyelarasan perubahan zoning terkini (hanya senarai permohonan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa) di dalam Draf Rancangan Tempatan (Pengubahan) di bawah peruntukan subseskyen 15 (1B) Akta 172.

iii. BERSETUJU meluluskan Draf Rancangan Tempatan (Pengubahan) sebagaimana peruntukan Seksyen 15, Akta 172 dan diangkat bagi Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Hakikat Persetujuannya diwartakan Mengikut Peruntukan Subsekyen 15(1C) dan 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

iv. BERSETUJU Draf Rancangan Tempatan (Pengubahan) akan diwartakan dan akan Menggantikan serta Memansuhkan Peta Cadangan Gunatanah 2020 dan Klasifikasi Gunatanah yang telah diwartakan pada 3 Januari 2008.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENDENGARAN BANTAHAN AWAM









**Selepas daripada Program Publisiti 4 buah RTD pada 19 April 2011 yang telah dilancarkan, sebulan diperuntukkan untuk orang awam membuat bantahan terhadap RTD di dalam kawasan/ daerah masing-masing.**

**Hasil daripada proses bantahan, Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Awam telah diwujudkan bagi mengkaji semula bantahan-bantahan yang diterima daripada orang awam yang telah melalui proses bantahan & penyertaan awam tersebut.**




**Bagi Daerah Muar, Mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran Bantahan Awam telah diadakan pada 21 Feb 2012 yang lalu di mana terdapat 95 bantahan yang diterima bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Muar (MPM) manakala bantahan yang diterima di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak (MDT) pula sebanyak 17 bantahan, di mana keseluruhannya berjumlah 112 bantahan.**

**Mesyuarat Jawatankuasa Pendengaran dan Bantahan Awam ini dipengerusikan oleh Y.B Datuk Hj. Ahmad Zahri B. Jamil selaku Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri Johor serta beberapa ahli yang terdiri dari JPBD (Setiausaha), UPEN, PTG, PTD serta MPM dan MDT.**











## Sudut Informasi

*Empat (4) RTD (Pengubahan telah diwartakan di Negeri Johor melalui Warta Pemberitahuan Hakikat Persetujuan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana berikut:-*

*i) RTD Muar 2015 (Pengubahan)*
*J.P.U 43 Jil. 56 No. 17 bertarikh 16 Ogos 2012*

*ii) RTD Pontian 2015 (Pengubahan)*
*J.P.U 44 Jil. 56 No. 17 bertarikh 16 Ogos 2012*

*iii) RTD Batu Pahat 2020 (Pengubahan)*
*J.P.U 45 Jil. 56 No. 17 bertarikh 16 Ogos 2012*

*iv) RTD Johor Bahru 2020 (Pengubahan)*
*J.P.U 46 Jil. 56 No. 17 bertarikh 16 Ogos 2012*



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 17

16hb Ogos 2012

TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN

J. P.U. 43.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
(AKTA 172)

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUAR, 2015 (PENGUBAHAN)

MENURUT subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Johor telah memberi persetujuan pada 30 Mei 2012 kepada Rancangan Tempatan Daerah Muar, 2015 (Pengubahan).

2. Pengubahan ini melibatkan Peta Cadangan Guna Tanah 2015 dan semua Jadual Kelas Kegunaan Guna Tanah.

3. Maka, Cadangan pengubahan ini sekarang ini dikenali sebagai Rancangan Tempatan Daerah Muar, 2015 (Pengubahan) dan boleh diperiksa di Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Tangkak dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor dalam waktu pejabat mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

4. Pemberitahuan *Warta* J.P.U. 3, Jilid 52, No. 1 bertarikh 3 Januari 2008, setakat ketidakselarasan dengan Rancangan Tempatan Daerah Muar, 2015 (Pengubahan), adalah dibatalkan.

Bertarikh 1 Ogos 2012
[JPBD 11/85/00503/1(65); PUNJ.N. 700-1/20/1-8 Jld. 2(5)]

HAJI MOHD. HALIM BIN HASBULLAH
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor*




# Kajian Inventori Kemudahan Awam 2012



**Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Johor telah pun membuat Kajian Inventori Kemudahan Awam Negeri Johor selama dua (2) bulan iaitu bermula dari 9 April – 30 Jun 2012.**

**Kajian inventori ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran dari aspek lokasi sebenar bagi tapak kemudahan awam negeri Johor untuk dimasukkan ke dalam aplikasi Geo Johor.**

**Untuk menjayakan kajian inventori tersebut, seramai 40 orang kakitangan JPBD Johor telah ditugaskan untuk membuat lawatan ke tapak (lokasi setiap kemudahan di setiap daerah Negeri Johor). Setiap pengkaji dibekalkan bersama borang yang telah disediakan beserta pelan dan peralatan GPS bersama-sama bagi mendapatkan koordinat yang tepat bagi lokasi kemudahan awam berkenaan.**










# GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN LALUAN KEMUDAHAN UTILITI DAN PENGGALIAN JALAN



## PENGENALAN

**Garis panduan ini bertujuan untuk memandu dan merancang pembangunan laluan kemudahan utiliti bagi pembangunan baru dan sedia ada serta mengawalselia aktiviti penggalian jalan akibat penyelenggaraan / pembaikan utiliti supaya situasi jalan dalam keadaan baik dan perancangan serta pembangunan utiliti akan lebih teratur dan terkawal.**

**Garis panduan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Johor pada 22 Jun 2011 melalui Ringkasan Mesyuarat bil. 847/2011.**



# PERANCANGAN BAGI PEMBANGUNAN BARU

## Perancangan Tapak

**Bagi jalan 66 kaki (20 meter) dan ke atas koridor utiliti selebar10 kaki (3 meter) hendaklah disediakan di luar R.O.W (Right of Way) di kiri dan kanan jalan (Rujuk rajah dibawah)**

*Keratan Rentas Koridor Utiliti*








**Bagi hirarki jalan yang rezabnya kurang daripada 66 kaki (20 meter), penyediaan koridor dan penempatan utiliti adalah berdasarkan garis panduan laluan kemudahan utiliti dan service protocol, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.**



**Jaringan utiliti yang merentasi jalan utama iaitu jalan arteri, jalan pengumpul dan jalan tempatan, perlu menyediakan "dedicated utilities road crossing" (DURC) (Sila rujuk Rajah di bawah ). Piawaian rizab sepertimana berikut:-**




**i) Kelebaran minima laluan hendaklah 3.5 meter dan menggunakan rekabentuk batu-bata yang tahan lama dan bewarna;**

**ii) Penyediaan DURC adalah seperti berikut:**
- **(a) Satu (1) DURC bagi setiap 500 meter di kawasan perumahan**
- **(b) Satu (1) DURC bagi setiap 250 meter di kawasan industri dan perniagaan**

## Penempatan Utiliti

**i) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di dalam rezab koridor utiliti yang disediakan;**
**ii) Cadangan laluan utiliti hendaklah diletakkan di bahu jalan yang tidak diturap sepenuhnya;**
**iii) Koridor utiliti hendaklah berada di luar permukaan bercerun. Sekiranya bahu jalan terletak di kawasan bercerun, pengambilan balik tanah hendaklah dilaksanakan.**

## Konsep Rangkaian

**i) Rangkaian utiliti mengikut konsep bistari melalui rangkaian dan jaluran bawah tanah (common trenching).**
**ii) Rangkaian utiliti yang menggunakan tiang adalah tidak dibenarkan.**

## Kategori Laluan Kemudahan Yang Dibenarkan Di Bawah Permukaan Jalan Berturap

**i) Lorong belakang iaitu rezab jalan kurang dari 6.10m (20 kaki)**
**ii) Lorong tepi iaitu rezab jalan kurang dari 6.10m (20 kaki)**
**iii) Rezab jalan yang diturap sepenuhnya dan mempunyai ruang tempat letak kenderaan**

## Insentif Penyediaan Koridor Utiliti

**i) Penyediaan rezab koridor utiliti boleh diambilkira dalam pengiraan sepuluh (10) peratus kawasan lapang.**
**ii) Rezab koridor utiliti adalah termasuk di dalam pengiraan 3% penyediaan kemudahan awam.**

# PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI JABATAN



Jabatan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan penstrukturan semula organisasi Jabatan yang merangkumi keseluruhan peringkat perjawatan dan telah mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2012.

## OBJEKTIF

Antara tujuan penstrukturan semula ini adalah bagi memberi peluang kepada setiap kakitangan memperoleh pengalaman dan ilmu baru di dalam bidang tugas baru yang telah ditetapkan di samping dapat berkongsi pandangan berharga untuk dipraktikkan di dalam tugasan yang baru. Secara tidak langsung, dapat memantapkan perkhidmatan warga Jabatan kepada pihak awam dan agensi-agensi teknikal berkaitan.



# CARTA ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI JOHOR 2012




**Petunjuk Jawatan** — JUMUD — KONTRAK

| | | | |
|---|---|---|---|
| JUSA VU7 | Jawatan Utama 'C' | PcPlan | Pencetak Pelan N12 |
| J48/J44/J41 | Pegawai Perancang Bandar dan Desa | N28 | Pen. Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat |
| J36J29 | Penolong Peg. Perancang Bandar dan Desa | N22/N17 | Pembantu Tadbir (P/O) |
| JT26/JT22/JT17 | Juruteknik Perancang Bandar dan Desa | W22/W17 | Pembantu Tadbir (Kew) |
| PPTM F29 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | N14/N11 | Pembantu Tadbir Rendah |
| JTA J22/J17 | Juruteknik Awam | N4/N1 | Pembantu Am Pejabat |
| PP J22/J17/PPR | Pelukis Pelan / Pelukis Pelan Rendah | PK R6/R3 | Pemandu Kenderaan |

# Program - Program Jabatan

## TAKLIMAT KEPADA SISWA UTM (RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR)

- 06 April 2012 -

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA








## IN-HOUSE COURSE WITH JPBD ON LAND MATTERS

- 19 April 2012 -

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI JOHOR









# Program - Program Jabatan

## MESYUARAT PENYELARASAN TEKNIKAL PIHAK BERKUASA TEMPATAN, OSC DAN JPBD

BIL.1/2012 – 31 MEI 2012

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR








## LAWATAN TAPAK BAGI KAJIAN LANJUTAN RANCANGAN KAWASAN KHAS PELAN PEMBANGUNAN

DI SEPANJANG SG. JOHOR, KOTA TINGGI










# E-KAUNTER : TAMBAHAN MODUL DALAM LAMAN WEB JABATAN



## TUJUAN

**E-Kaunter dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pengguna mendapatkan maklumat berkaitan status permohonan perancangan secara terperinci dan mudah. Pertanyaan yang diterima dari pengguna akan dihantar kepada pegawai berkenaan melalui email. Penggunaan email ini memudahkan pegawai memberi maklumbalas secara pantas melalui telefon bimbit jika berada di luar pejabat.**



# PAMERAN SEMPENA SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN NGIS KE-5 TAHUN 2012

## PENGENALAN

**Simposium ini telah di adakan pada 21 – 22 Mei 2012 di PICC Putrajaya dengan penyertaan sebanyak 24 agensi seluruh Malaysia. JPBD Johor amat berbangga dengan penyertaan ini kerana dapat bersama-sama dengan peserta-peserta lain yang hebat dan maju dalam bidang GIS.**

**Melalui pameran, Portal Negeri Johor dapat diperkenalkan di Seluruh Malaysia. Aplikasi ini boleh dicapai melalui URL : http://geoportal.johor.gov.my**







**Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) merupakan program secara dwi tahunan sejak tahun 2004 yang melibatkan semua peringkat. Tema yang dipilih pada kali ini adalah Inovasi Geospatial Memperkasakan Transformasi Negara, selaras dengan agenda nasional dan pemacu kepada Program Transformasi Kerajaan. Objektif penganjuran NGIS pada kali ini adalah sepertimana berikut:**

**i) Menyediakan platfom untuk membincangkan isu-isu berkaitan maklumat geospatial terkini.**

**ii) Merealisasikan misi kerajaan ke arah mengarus perdana penggunaan maklumat geospatial dalam pelbagai sektor.**

**iii) Merangsang transformasi pengurusan maklumat secara geospatial di semua peringkat**

# 7 Tips Pekerja Cemerlang




***Muhasabah Apa Niat Untuk Bekerja.***
Anda perlu bermula dari asas, iaitu niat hati Anda. Kemudian, muhasabah diri. Jika itu niat ikhlas, yang lain akan turut serta, seperti disiplin,komitmen, fokus, produktiviti, performance, kerjasama dan akhir sekali mindset positif untuk menjadi cemerlang dalam kerjaya.

***Lakukan Lebih Dari Apa Yang Perlu.***
Dengan inisiatif sendiri, lakukan lebih dari apa yang perlu. Misalnya, anda masuk jam 8.00 pagi hingga 6 petang melakukan bidang kerja anda, tanpa mengharap elaun lebih masa atau overtime. Timbulkan rasa seronok bekerja, sehingga anda tak sedar masa berlalu.

***Komited.***
Proaktif dan rajin belajar kemahiran-kemahiran lebih dari bidang tugas yang diperlukan serta mampu menyempurnakan tugas dengan sebaiknya.

***Belajar Tanpa Henti.***
Pekerja yang cemerlang sentiasa memajukan dirinya dan prestasi kerjanya. Selain itu, dia akan sentiasa menambah ILMU, sama ada teori, praktikal ataupun penaakulan.

***Bijak Menyelit.***
Setiap tempat kerja pasti akan wujud sedikit 'politik'. Skill komunikasi interpersonal amat penting di sini. Anda perlu bijak menyesuaikan diri dengan mengkaji attitude rakan-rakan sekerja Anda. Tapi, pekerja yang cemerlang takkan pernahbodek bossnya untuk  dapat habuan!

***Hormat Semua Orang.***
Tak kira siapa jua rakan satu tempat kerja dengan Anda, hormati dia dan cuba ceriakan dia, walaupun dia setakat seorang mak cik cleaner. Tapi, jangan suka menyakat dan mentertawakan kekurangan atau kesilapan orang lain, sebab  tak semua orang boleh menerimanya.

***Penampilan Kemas, Segak dan Teratur.***
Ini yang paling akhir. Ingat, persepsi dan 'first impression' orang lain amat penting dalam suasana kerja. Pekerja yang cemerlang sentiasa mempamerkan kekemasan diri pada pakaian, gaya ketika bekerja, gaya jalan, gaya ketika makan, gaya berbual dan kekemasan di ruang tempat kerjanya. Anda boleh menilai attitude kerja seseorang hanya dengan melihat meja kerjanya saja.

info Minda



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI JOHOR**
**Aras 1 & 2, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,**
**79646 Kota Iskandar, Nusajaya, Johor**
**Tel : 07-2667200 / 2667201**
**Faks : 07-2661402**
**www.jpbd.johordt.gov.my**